

18/08/2002

Rogiero terpantas di litar air Mines

Ahmad Fiesal Othman

PEMANDU Itali, Massimo Rogiero mencatat masa sepusingan terpantas 47.18 saat pada sesi kelayakan terakhir semalam untuk menempah petak pertama pada perlumbaan sebenar Kejuaraan F1 Bot Laju Sedunia di Tasik The Mines Resort City hari ini.

Rogiero yang mewakili Team Zepter mencatat kelajuan purata 147.64 kilometer sejam untuk kali pertama meraih petak pertama perlumbaan musim ini.

Dia yang memulakan kerjaya dalam perlumbaan F1 bot laju sejak 1995 hanya sekali pernah memenangi kejuaraan iaitu pada 1998 di Itali.

Pencapaian menduduki petak pertama itu ialah yang ke-10 baginya sejak menyertai F1 bot laju.

Tempat kedua menjadi milik pemandu Amerika Syarikat (AS), Scot Gillman yang mewakili Team Emirates Marina Mall dengan catatan masa 47.57 saat.

Rakan sepasukan Rogiero, Guido Cappelenni yang mendahului senarai pungutan mata kejuaraan dunia menduduki tempat ketiga dengan catatan 47.67 saat.

Cappelenni kini mengumpul 100 mata dan hanya memerlukan tujuh mata lagi untuk memastikan gelaran ketujuh dunia miliknya dalam tempoh sepuluh tahun.

Dia perlu menduduki sekurang-kurangnya tempat kelima teratas dalam perlumbaan sebenar hari ini untuk memastikan gelaran itu miliknya dengan perlumbaan hanya berbaki tiga pusingan.

Mengulas pencapaiannya yang hanya mampu menduduki petak kedua bagi perlumbaan hari ini, Cappelenni berkata, dia menghadapi sedikit masalah teknikal pada ujian masa pertama yang diadakan pada sebelah pagi.

Menurutnya, kesilapan memilih kipas enjin yang sesuai pada sesi ujian pertama menyaksikan dia hanya mampu mencatat masa 48.11 saat tetapi selepas berjaya mengatasi masalah itu dia berjaya mencatat masa lebih baik iaitu 47.67 saat pada sesi ujian kedua.

"Walaupun menduduki petak kedua, saya masih yakin mampu memberi persembahan terbaik pada perlumbaan esok (hari ini).

"Pada perlumbaan di Jerman sebelum ini saya juga menduduki tempat kedua pada permulaan tetapi kemudian berjaya menjuarainya," katanya selepas ujian kelayakan akhir semalam.

Rogiero pula berharap kejayaannya menempah petak pertama buat kali pertama musim ini akan memberinya semangat untuk mencipta kejuaraan sulung musim ini.

Sambil menyifatkan litar di The Mines Resort City itu sebagai terbaik, dia berharap tiada masalah akan mengganggu usahanya mencipta rekod peribadi itu.

"Apa yang membimbangkan saya esok hanyalah tiupan angin. Jika segala-galanya baik, saya yakin mampu mencipta kejayaan," katanya.

Sementara itu, juara perlumbaan di Malaysia tahun lalu, Laith Pharaon yang memandu untuk Team Four Season mencatat masa 49.16 saat untuk menduduki petak kelima perlumbaan.

Pemandu Malaysia, Simon Saw yang membuat penampilan sulung dalam kejuaraan F1

bot laju mencatat masa 58.33 saat untuk menduduki petak ke-18 dari 19 pelumba yang akan bertanding hari ini.

Perlumbaan hari ini bermula dengan sesi ujian bebas mulai jam 8.00 hingga 8.45 pagi dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan

melepaskan pelumba untuk perlumbaan sebenar jam 11.30 pagi.